



10 Aug 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 8 • Printed Size: 160.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,162.29
PR value: MYR 9,486.87 • Item ID: MY0026728706

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

95% isu zakat yang diviralkan adalah palsu

KUALA LUMPUR 9 Ogos - Sebanyak 95 peratus isu zakat yang menjadi viral di media sosial termasuk melalui aplikasi WhatsApp berhubung golongan asnaf didakwa tidak mendapat bantuan zakat merupakan berita dan maklumat palsu.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor (LZS), Hussin Mohd. Ali berkata, ini berpunca daripada sikap terburu-buru orang ramai yang sering menyebarkan berita tanpa membuat usul periksa terlebih dahulu.

“Hampir kesemua isu yang menjadi viral di media sosial yang menyatakan beberapa golongan asnaf tidak mendapat bantuan daripada pusat zakat adalah tidak benar sama sekali kerana apabila diperiksa maklumat itu, mereka (golongan asnaf itu) sebenarnya telah lama menerima bantuan.

“Tindakan ini memberi persepsi negatif, seolah-olah pihak institusi zakat tidak bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan



HUSSIN MOHD. ALI

masyarakat, terutamanya golongan yang memerlukan bantuan kewangan,” katanya selepas menghadiri Seminar Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Institusi Zakat di Universiti Malaya, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai berita palsu berkenaan golongan asnaf yang didakwa tidak mendapat bantuan zakat yang kini menjadi viral di media sosial sejak kebelakangan ini.

Sehubungan itu, Hussin menasihatkan orang ramai supaya memeriksa kesahihan sebarang isu sebelum menyebarkannya di media sosial.

“Rujuk kepada lembaga zakat terlebih dahulu sebelum menyebarkan sesuatu berita itu, kerana setiap isu negatif yang diviralkan boleh menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat yang bertanggungjawab dalam mengagihkannya kepada golongan asnaf,” katanya.

Headline	MPK BUKA KAUNTER PERKHIDMATAN		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	26	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	39 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 771
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,312





MPK BUKA KAUNTER PERKHIDMATAN
MAJLIS PERBANDARAN KLANG mengalu-alukan penduduk di kawasan pentadbirannya membuat urusan pembayaran cukai taksiran melalui kaunter disediakan.
Orang ramai boleh berkunjung di pusat beli-belah AEON Bukit Tinggi pada 13 sehingga 14 Ogos ini bermula pukul 10.30 pagi hingga 10 malam.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Aeon Co (M) Bhd (Aeon)	1	0	RM 0
Majlis Perbandaran Klang (MPK) (Majlis Perbandaran Klang (MPK))	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A



10 Aug 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 10 • Printed Size: 82.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 1,078.00
PR value: MYR 3,234.00 • Item ID: MY0026728936



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

{ BISIK-BISIK }

PERAK sekali lagi mencatat sejarah dalam memberi pengiktirafan kepada kaum wanita. Kali ini, bekas Ketua Wanita MIC Perak, S. Thangeswary dipilih sebagai Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN). Kepada beliau, Awang mengucapkan tahniah kerana diberi kepercayaan untuk memikul tanggungjawab 'mengawal' persidangan DUN yang sering kali berlangsung dalam suasana 'panas'.

Ini bukan kali pertama wanita diberi peranan penting di DUN. Selangor juga mempunyai Speaker wanita sementara di Pulau Pinang, wanita dilantik sebagai ketua pembangkang.

Bagi Perak, pelantikan itu adalah selaras dengan komitmen kerajaan negeri yang mahu mencapai sasaran 30 peratus kaum wanita dalam pentadbiran negeri itu sebagai pembuat dasar. Sudah tentulah, pelantikan Thangeswary berdasarkan keupayaannya untuk mengendalikan persidangan DUN yang dikuasai kaum lelaki dengan pelbagai latar fahaman politik.

Di bawah kepemimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir, Perak melantik wanita sebagai ketua kampung, pegawai daerah dan Yang Dipertua Majlis Daerah.

Bagi Awang, lelaki atau wanita, apa yang penting ialah peluang harus diberi kepada sesiapa juga yang berkebolehan tanpa ada diskriminasi jantina. Semoga semua wanita yang diberi kepercayaan dapat menunjukkan keupayaan masing-masing. Buktikan pelantikan anda adalah tepat dan bukannya satu kesiapan atau dalam keadaan terpaksa.

AWANG - Yakin keupayaan wanita



10 Aug 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: Abdul Yazid Alias • Section: Dlm Negeri • Page: 14 • Printed Size: 273.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,395.66
PR value: MYR 16,186.98 • Item ID: MY0026729107

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1



NOH OMAR dan Lim Kim Hong (empat dari kanan) bersama pemenang Pertandingan Reka Bentuk Sisi Bangunan (Facade) i-Design di Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN/SAHARUDDIN ABDULLAH

Azmin perlu henti 'berlakon'

Oleh **ABDUL YAZID ALIAS**

pengarang@utusan.com.my

SHAH ALAM 9 Ogos - Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dinasihatkan supaya menghentikan 'lakonan' yang seolah-olah menunjukkan pentadbirannya prihatin dalam menyelesaikan masalah rakyat, khususnya dalam soal perumahan mampu milik.

Nasihat itu disampaikan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar yang mahukan Mohamed Azmin memberi kerjasama penuh kepada kementeriannya untuk membina sasaran 1,000 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Selangor sehingga hujung tahun ini.

Ini kerana, katanya, pembinaan PPR merupakan antara penyelesaian terbaik dalam menangani

ketidakupayaan rakyat berpendapatan rendah untuk memiliki kediaman sendiri yang ketika ini dilihat gagal ditangani oleh pentadbiran kerajaan negeri di bawah pimpinan PKR dan DAP.

"Justeru, saya harap Menteri Besar cukup-cukuplah 'berlakon' turun padang, masuk longkang, basuh kain sedangkan masalah seperti sampah, denggi, banjir kilat dan sebagainya sehingga kini terus membelenggu rakyat Selangor.

"Dalam soal rumah mampu milik, kementerian menyasarkan 1,000 unit rumah PPR di Selangor dan ketika ini kita sedang berusaha untuk mencari tapak tanah yang sesuai. Maka, kerajaan negeri boleh memberi kerjasama dengan mengenakan premium tanah lebih rendah termasuklah kebenaran merancang," katanya

selepas majlis penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Reka Bentuk Sisi Bangunan (Facade) i-Design di i-City, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Eksekutif i-Berhad, Tan Sri Lim Kim Hong dan Pengarah i-City, Monica Ong.

Kerjasama itu, katanya, penting bagi membolehkan kementerian membina perumahan untuk rakyat berpendapatan rendah iaitu RM2,500 ke bawah yang sukar mendapat pinjaman bank memiliki rumah PPR menerusi sistem sewa beli yang telah dipersetujui Kerajaan Pusat.

Mengulas lanjut mengenai sistem sewa beli PPR, Noh menyatakan, kos pembinaan perumahan itu akan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat dan rumah berkos RM160,000 seunit itu dijual harga RM35,000 di Semenanjung.



10 Aug 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 26 • Printed Size: 80.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 1,581.14
PR value: MYR 4,743.42 • Item ID: MY0026729272

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



SELANGOR

PJ Half Marathon 21 Ogos ini

KUALA LUMPUR 9 Ogos - Lebih 5,000 peserta disasarkan mengambil bahagian dalam acara 'PJ Half Marathon 2016' pada 21 Ogos ini.

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Johary Anuar berkata, sebanyak empat kategori dipertandingkan iaitu terbuka melibatkan jarak larian 21 kilometer (km) dan 10km, pelajar sekolah (7km) dan Fun Run (3km).

"Antara jalan-jalan utama yang terlibat dalam acara ini ialah Jalan Gasing, Jalan Klang Lama, Jalan Templer, Jalan Universiti dan Jalan Sultan.

"Acara seperti ini akan dimasukkan dalam kalendar MBPJ memandangkan aktiviti ini mampu merapatkan hubungan silaturahim disamping menggalakkan penduduk mengamalkan gaya hidup sihat," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.



10 Aug 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 26 • Printed Size: 61.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 1,205.62
PR value: MYR 3,616.86 • Item ID: MY0026729275



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

KERJA INVENTORI

■ **DIFAHAMKAN**, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) akan menjalankan kerja-kerja inventori guna tanah di kawasan PJ Old Town bermula Isnin lalu hingga 21 Ogos ini. Apakah tujuan asal dan aspek-aspek yang perlu diambil kira semasa menjalankan program ini.

MR. LOBA-LOBA
Pj Old Town

JAWAPAN: Ya, kita akan lakukan kerja-kerja inventori guna tanah di kawasan tersebut meliputi Seksyen 1, 2, 3 dan 4 dengan keluasan 159.99 hektar. Ini terdiri daripada 2,012 premis kediaman dan disokong dengan kemudahan lain seperti rumah kedai, sekolah, rumah ibadat, stesen minyak, stesen bas, kawasan lapang dan institusi kerajaan. Kajian ini penting bagi menilai keperluan semasa dan prospek pembangunan akan datang memandangkan kawasan ini sudah dibangunkan sejak lebih 50 tahun lalu.

MOHD. AZIZI MOHD. ZAIN
Datuk Bandar Petaling Jaya



10 Aug 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 26 • Printed Size: 81.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 1,616.00
PR value: MYR 4,848.00 • Item ID: MY0026729314

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

SELANGOR

MPSJ arah pemaju turap jalan

SUBANG JAYA 9 Ogos -Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengarahkan pemaju melaksanakan kerja pembersihan dan membuang sisa tumpahan simen yang berlaku di Jalan Kinrara 6, Bandar Kinrara.

Pegawai Komunikasi Korporatnya, Muhammad Azli Miswan berkata, hasil siasatan mendapati tumpahan simen itu adalah disebabkan kerja-kerja konkrit yang dijalankan pemaju.

“MPSJ juga telah mengeluarkan arahan kepada pemaju untuk menurap semula jalan tersebut bagi mengelakkan sebarang kejadian membahayakan,” katanya dalam kenyataan akhbar di sini.

Kenyataan itu bagi mengulas laporan *Utusan Malaysia* baru-baru ini berhubung keadaan jalan raya rosak akibat daripada tumpahan simen di Jalan Kinrara 6, Bandar Kinrara.



10 Aug 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 26 • Printed Size: 37.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 731.28
PR value: MYR 2,193.84 • Item ID: MY0026729316



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

PESTA BUAH-BUAHAN TEMPATAN
MAJLIS Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) menjemput orang ramai memeriahkan Pesta Jualan Durian dan Buah-buahan Tempatan setiap hari Isnin hingga Ahad sepanjang bulan Ogos ini bermula pukul 10 pagi.
Pesta diadakan di Kompleks Kemudahan dan Kemasyarakatan (3K) MPSJ, Jalan SS13/1, SS13 Subang Jaya.





10 Aug 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 26 • Printed Size: 123.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,431.01
PR value: MYR 7,293.03 • Item ID: MY0026729317



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

POKOK TINGGI

■ BEBERAPA kawasan perumahan di Subang Jaya terdapat banyak pokok tinggi berdekatan jalan raya dan ini boleh membahayakan pengguna sekiranya berlaku ribut serta hujan lebat. Apa penyelesaian Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dalam hal ini?

**PENDUDUK SUBANG
USJ 21**

JAWAPAN: MPSJ akan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pokok jenis *Khaya Senegalensis* berjumlah 922 batang di lokasi yang dikenal pasti. Selain Persiaran Kewajipan turut dikenal pasti di USJ Subang Jaya, Persiaran Prima, Taman Sri Puchong dan Putra Height. Kerja penyelenggaraan akan dibuat terhadap pokok yang mempunyai ketinggian lebih dari 20 meter tinggi. Tempoh kerja adalah berbeza mengikut lokasi dan telah bermula sejak 15 Jun lalu sehingga 14 Oktober ini.

MUHAMMAD AZLI MISWAN
Pegawai Komunikasi Korporat
Jabatan Korporat dan Pengurusan
Strategik MPSJ





10 Aug 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 26 • Printed Size: 143.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,826.30
PR value: MYR 8,478.90 • Item ID: MY0026729227



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

JALAN ROSAK

■ BANYAK jalan rosak di kawasan Clover Garden Residence, Cyberjaya dan sekitarnya berpunca daripada lori-lori keluar masuk. Mohon Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) jalankan kerja-kerja menurap dengan segera.

JUJU
Cyberjaya

JAWAPAN: Terima kasih atas keprihatinan. Memandangkan kawasan Clover Garden Residence merupakan kawasan baharu dan sedang dibangunkan, jalan tersebut adalah di bawah pihak pengurusan pemaju serta belum diserahkan lagi kepada MPSepang. Jika ada laporan berkenaan jalan rosak, kami sebagai pihak berkuasa tempatan akan meminta pihak

pemaju terlibat menampal dan menurap sehingga jalan itu diserahkan kepada MPSepang apabila pembangunan di kawasan tersebut selesai.

MUHAMMAD HAFIZ SHAARI
Timbalan Yang Dipertua Majlis
Perbandaran Sepang





10 Aug 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 26 • Printed Size: 33.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 652.22
PR value: MYR 1,956.66 • Item ID: MY0026729360

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



HARI SUMBER MANUSIA
SELURUH penduduk Kajang dipelawa menyertai Hari Sumber Manusia anjuran Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di Lobi Tingkat 1, MPKj bermula semalam hingga Khamis ini.
Program akan bermula pada pukul 9 pagi hingga 4.30 petang.



10 Aug 2016

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 28 • Printed Size: 189.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 2,485.00
PR value: MYR 7,455.00 • Item ID: MY0026729486

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Page 1 of 1

Hatrik Ronaldinho pastikan Selangor raih 3 mata

KUALA LUMPUR 9 Ogos - Selangor, yang beraksi kali pertama tanpa Zainal Abidin Hassan, memperagakan aksi berbeza untuk mencatat kemenangan bergaya 3-0 ke atas Pahang dalam perlawanan keempat Kumpulan B Piala Malaysia di **Stadium Shah Alam** malam ini dengan Patrick Ronaldinho mencipta hatrik.

Jurulatih sementara, K. Gunalan membuat beberapa pertukaran pemain dalam kesebelasan utama skuad Red Giants termasuk memberi tanggungjawab kepada penyerang dari Indonesia Andik Vermansah menggalas tugas sebagai kapten.

Usaha Selangor untuk meraih kemenangan pertama selepas enam perlawanan dimulakan dengan jaringan penyerang dari Liberia, Ronaldinho pada minit ke-37 apabila menyempurnakan sepakan penalti selepas pertahanan Tok Gajah, Matthew Davies menjatuhkan Andik dalam kotak penalti.

Jaringan pembukaan itu menyuntik semangat pemain Selangor untuk memburu gol dan dihidan-

gkan dengan dua peluang keemasan iaitu menerusi rembatan Andik pada minit ke-44 yang sekadar menggegarkan palang disusuli rembatan pemain sayap kanan R. Gopinathan pada minit ke-45 namun dinafikan oleh tiang gol.

Ronaldinho, 25, sekali lagi berjaya menemui sentuhan penyudah pada minit ke-66 diikuti gol ketiganya pada minit ke-80 untuk melengkapkan hatrik buat kali pertama dalam saingan piala berprestij itu.

Dalam satu lagi aksi Kumpulan B menyaksikan Kelantan menumpaskan Kuala Lumpur 1-0 di **Stadium Majlis Perbandaran Selayang**. Gol tunggal perlawanan dijaringkan oleh kapten Mohd. Badhri Mohd. Radzi pada minit ke-61.

Dalam pada itu, harapan Johor Darul Ta'zim II (JDT II) untuk mara ke pusingan seterusnya tipis setelah tewas 3-2 kepada Kedah di **Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang**.

Gol Kedah dijaringkan oleh Shane Smeltz pada minit ke-13, Syazwan Zainon (minit 38) dan

Baddrol Bakhtiar (minit 56). Gol JDT II pula dihasilkan oleh Paulo Rangel (minit 36) dan Mohd. Zaqan Adha Abdul Radzak (minit 44).

Di **Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah**, menyaksikan tuan rumah Terengganu FC II (TFC II) menundukkan Sarawak 3-0. Dua daripada gol tersebut dijaringkan oleh Makan Konate masing-masing pada minit ke-14 dan 52. Satu lagi gol dihasilkan oleh Mohd. Zulhanizam Shafine (minit 73).

Felda United pula berjaya menewaskan Melaka United 2-1 di **Stadium Tun Abdul Razak**, Jengka. Kedua-dua gol skuad The Fighters itu dijaringkan oleh Francis Forkey Doe masing-masing pada minit kesembilan dan minit ke-18. Gol Melaka United pula dihasilkan oleh Nurshamil Abd. Ghani (minit 11).

Negeri Sembilan pula membuatkan Terengganu terus tertekan apabia menumpaskan skuad Penyus 1-0 di **Stadium Tuanku Abdul Rahman**. Gol tunggal perlawanan dijaringkan oleh Goran Jerkovic pada minit ke-18.



Siti Fatimah Hassan
sfhassan@metro.com.my

Dakwaan bercanggah

■ Kerajaan Selangor didesak selesai segera isu penukaran status tanah pertanian kepada kawasan pembangunan di kawasan Paya Indah Wetland

Kerajaan Selangor didesak menyelesaikan segera isu penukaran status tanah pertanian kepada kawasan pembangunan di kawasan Paya Indah Wetland, Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat yang menimbulkan kontroversi kerana ia memabitkan isu alam sekitar dan integriti pentadbiran negeri itu.

Ketua Penyelaras Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Badrul Hisham Shaharin yang mendedahkan isu itu sebelum ini berkata, status tanah itu adalah sah sebagai tanah pertanian dan berada dalam kawasan Paya Indah Wetland seperti yang dinyatakan dalam Minit Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ketika menolak satu permohonan untuk meminda kategori tanah itu pada Februari 2014.

Katanya, ia bercanggah dengan dakwaan dikeluarkan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar negeri Elizabeth Wong

sebelum ini bahawa ia bukan di bawah kawasan Paya Indah Wetland yang diwartakan Jabatan Perhilitan sebagai Rizab Tanah Paya di bawah Kanun Tanah Negara.

"Bukan saya yang nyatakan bahawa ini adalah kawasan hijau, sebaliknya ia disahkan sendiri menerusi MMKN pada Februari 2014 ketika membuat keputusan untuk meminda status tanah itu.

"Ia sudah disebut dengan jelas dan kerajaan negeri perlu tukar semula status tanah kepada asal iaitu tanah pertanian. Namun, jika kerja

membersihkan tanah sudah dilakukan, sudah tidak ada makna lagi kerana mana mungkin kita dapat menggantikan pokok yang berusia 100 tahun," katanya pada sidang media, semalam.

Badrul Hisham atau Cheghubard, dalam satu kenyataan terbuka sebelum ini, mendakwa Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali meluluskan penukaran status tanah pertanian kepada kawasan pembangunan di kawasan Paya Indah Wetland.

Bagaimanapun, sehingga kini Azmin mengambil sikap berdiam diri apabila didakwa masih belum menjawab isu yang ditimbulkan selain gagal membuat penjelasan kepada rakyat mengenai 'pembangunan' yang dirancang di atas tanah terbabit.

Selain itu, Badrul Hisham berkata, beliau menjangkakan Azmin akan terus membusu dan mengelak daripada memberi penjelasan kepada rakyat, tetapi pihaknya akan terus membuat lebih banyak pendedahan termasuk urusan penjualan tanah lot 68054 kepada syarikat pembangunan.

“Ia sudah disebut dengan jelas dan kerajaan negeri perlu tukar semula status tanah kepada asal iaitu tanah pertanian”
Badrul Hisham Shaharin

BADRUL Hisham (dua dari kiri) menunjukkan laporan mengenai kontroversi pertukaran status tanah Lot 68054 Paya Indah Wetland.

>> Status tanah adalah sah sebagai tanah pertanian dan berada dalam kawasan Paya Indah Wetland

Headline	Rindu Red Giants		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	1,270,667
Page No	51	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	448 cm ²
Journalist	Firdaus	AdValue	RM 17,648
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,945



>>Durakovic, Marcote dan Ashley Westwood dalam senarai pendek jurulatih Selangor

HARIAN METRO

Rindu Red Giants

■ Durakovic sedia kembali bimbing Selangor jika terima tawaran

Firdaus Hashim
firdaushashim@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Walaupun pernah disingkirkan tanpa alasan kukuh selepas memberikan Piala Malaysia ke-33 musim lalu, situasi itu langsung tidak menghalang Mehmet Durakovic (*gambar*) untuk menyuarakan minat membimbing Selangor.

Menyingsap detik perpisahan awal musim ini, beliau mengakui cukup sedih dan sama sekali tidak menduga perkhidmatannya ditamatkan apabila pengurusan Merah Kuning mengikat Zainal Abidin Hassan untuk mengambil tempatnya.

Namun, disebabkan atas dasar sayang dan cintanya terhadap Selangor, beliau rela melepaskan tanggungjawabnya itu sambil mengha-

rapkan Zainal mampu meneruskan kecemerlangan pasukan musim ini.

"Saya sentiasa merindui suasana dalam pasukan ini dengan kemasyhuran, bariisan pemainnya serta penyokong yang tidak jemu memberikan sokongan. Sudah pasti saya mahu kembali jika mendapat peluang berbuat demikian.

"Saya sentiasa memiliki hubungan istimewa bersama pasukan ini. Jadi, jika mereka masih memerlukan saya rasa sukar untuk menolak tawaran itu," katanya ketika dihubungi semalam.

Durakovic, 51, bukan asing bagi Selangor kerana selain bergelar jurulatih pasukan itu selama tiga musim, beliau juga pernah bergelar pemain dari musim 1995-1998.

Sepanjang beraksi untuk Selangor, beliau dilantik selaku ketua pasukan dan membantu negeri itu melakar kejuaraan hatrik (1995,

1996 & 1997) Piala Malaysia. "Begitupun, saya tak mahu bercakap lebih kerana sehingga ke hari ini (semalam) masih belum menerima sebarang tawaran rasmi FAS (Persatuan Bolasepak Selangor)," katanya.

Menerusi laporan Arena Metro semalam, difahamkan Durakovic antara tiga calon disenarai pendek untuk mengisi kekosongan ditinggalkan Zainal selepas bekas pemain kebangsaan itu dipecat Ahad lalu.

Selain Durakovic, FAS turut berminat mendapatkan khidmat bekas jurulatih kecergasan Kedah Ramon Marcote dan bekas pengendali Bengaluru FC, Ashley Westwood. Bagaimanapun, badan induk bola sepak negeri itu dikatakan lebih berminat untuk mendapatkan Marcote yang ketika ini berada di Sepanyol.

Marcote yang pernah menjadi penolong jurulatih

Atletico Madrid, berjaya membawa Kedah ke pentas final ketika mengukumi tanggungjawab jurulatih berikutan ketiadaan Tan Cheng Hoe yang mengikuti kursus kejurulatihan pro di China.

Kepintaran Marcote mengemudi skuad Helang Merah tidak dapat dinantikan kerana skuad itu berjaya menewaskan dua pasukan Liga Super di peringkat suku dan separuh akhir Piala Malaysia sebelum tewas perlawanan akhir kepada Selangor musim lalu.



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup)	3	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Selangor bangkit		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	1,270,667
Page No	52	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	277 cm ²
Journalist	firdaus hashim	AdValue	RM 10,912
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,736



Firdaus Hashim
firdaushashim@hmetro.com.my

Shah Alam

Selangor menamatkan kemarau kemenangan selepas berjaya menundukkan Pahang 3-0 dalam aksi Kumpulan B saingan Piala Malaysia di Stadium Shah Alam, malam tadi.

Lebih mengujakan lagi apabila awang import dari Liberia Patrick Ronaldinho mencipta sensasi dengan melakar hatrik sekali gus mengembalikan sentuhan pemusnahnya yang hilang dalam beberapa aksi sebelum ini.

K Gunalan yang mengambil alih sementara jawatan jurulatih dikosongkan Zainal Abidin Hassan, melakukan rombakan besar-besaran dalam barisan utamanya apabila langsung tidak menyenaraikan penolong ketua pasukan Razman Roslan, Raimi Md Nor, Hafiz Kamal dan Ugo Ukah biarpun pada sesi latihan terakhir pasukan kelmarin, tampak kesemuanya cergas untuk diturunkan.

Perlawanan malam tadi menyaksikan Gunalan mempertaruhkan kombinasi berbeza dengan tonggak import dari Indonesia Andik Vermansah diberi tanggungjawab selaku ketua pasukan.

Andik yang baru pulih daripada kecederaan nyata menjadi duri dalam daging buat skuad Tok Gajah sepanjang 90 minit aksi.

Serangan bertali arus tuan rumah akhirnya berhasil pada minit ke-35 apabila Ronaldinho mudah menyempurnakan sepakan penalti untuk meletakkan Selangor mendahului 1-0 selepas Andik ditarik Matthew Davies di dalam kotak penalti.

Bekas pemain kebangsaan Indonesia itu berpeluang

Selangor bangkit

■ Mudah benam Pahang 3-0



RONALDINHO (dua dari kanan) cipta hatrik benam Pahang.

mencetak nama selaku penjaring pada minit-minit akhir babak pertama namun percubaannya sekadar menggegarkan palang gol pelawat.

Bersambung babak kedua, Razip melakukan pertukaran dengan mengeluarkan R Kogileswaran dan memasukkan D Saavindran dalam misi pasukan itu memburu gol penyamaan.

Bagaimanapun, tuan rumah terus menguasai aksi di mana Ronaldinho berjaya

menyumbat gol kedua pada minit ke-66 selepas dia mudah menolak masuk hantaran R Gopinathan di sebelah kanan kubu pelawat.

Ronaldinho yang kerap dipersalahkan penyokong Merah Kuning ekoran aksi longlai sebelum ini, melengkapkan malam penuh gemilang dengan mencipta hatrik pada minit ke-80, sekali gus menghadihkan kemenangan kedua buat pasukan dalam kempen Piala Malaysia musim ini.

Headline	Selangor bangkit		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	1,270,667
Page No	52	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	277 cm ²
Journalist	firdaus hashim	AdValue	RM 10,912
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,736

**>>Gunalan ambil alih
sementara tempat Zainal Abidin**

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup)	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	GFCS mahu pemain kekal fokus		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Aug 2016	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	41	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	94 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,706
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,119



GFCS mahu pemain kekal fokus

Kuala Lumpur: Gabungan Kelab Penyokong Selangor (GFCS) mendesak pemain Selangor agar bersikap profesional dan bermain dengan penuh maruah untuk menghadapi baki saingan Liga Super dan Piala Malaysia.

Jurucakapnya, Mohd Faizal Wahid, berkata ini berikutan ada sebahagian kecil pemain yang dilihat tidak berpuas hati dengan pemecatan Zainal Abidin Hassan dan sepatutnya kekal fokus untuk kembali mencipta kemenangan.

“Sekiranya ada pemain yang berhasrat untuk meninggalkan pasukan kerana kecewa dengan pemecatan Zainal, sila berbuat demikian kerana hanya yang setia layak untuk menyarung jersi keramat ini.

Bermain demi lencana Merah Kuning

“Tiada pemain yang lebih besar daripada kelab. Kami turut mengharapkan situasi sebegini tidak menjejaskan moral berpasukan dan dengan peluang merangkul kejuaan agak tipis, kami berharap pasukan bermain demi lencana Merah Kuning di dada,” katanya dalam satu siaran media, semalam.

Kenyataan bersama itu dikeluarkan oleh gabungan 10 kelab penyokong Selangor antaranya Kelab Penyokong Anak Selangor (ASFC), Demi Selangor, Empire of Port Klang (EOPK), Sabak 6 dan beberapa lagi kelab penyokong.

Oleh Syafiq Aznan

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup)	1	0	RM 0
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Pengganti Zainal Durakovic sedia ambil alih bimbing Selangor		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	41,52	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	350 cm ²
Journalist	Oleh Syafiq Aznan syafiq.aznan@bh.com.my	AdValue	RM 12,065
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,194



PENGGANTI ZAINAL

Durakovic sedia
ambil alih bimbing
Selangor **Ms.41**

Headline	Pengganti Zainal Durakovic sedia ambil alih bimbing Selangor		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	41,52	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	350 cm ²
Journalist	Oleh Syafiq Aznan syafiq.aznan@bh.com.my	AdValue	RM 12,065
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,194

Durakovic sedia ke Selangor

➔ Sukar bagi pengendali itu menolak tawaran FAS

Oleh Syafiq Aznan

syafiq.aznan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

"Saya masih cintakan Selangor, ia adalah pasukan saya," kata bekas pengendali The Red Giants, Mehmet Durakovic ketika ditanya sama ada beliau bersedia untuk kembali mengendalikan pasukan itu, musim ini andai diberi peluang oleh Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS).

Pengendali berusia 51 tahun itu, berkata beliau sama sekali tidak perlu berfikir panjang untuk kembali dalam arena kejurulatihan jika tawaran itu dibuat secara rasmi.

Meskipun 'disingkirkan' selaku ketua jurulatih selepas menyempurnakan Misi 33 meraih Piala Malaysia musim lalu, Durakovic tidak menyimpan dendam dan mengaku gembira untuk kembali memikul tanggungjawab terbabit.

"Saya sentiasa merindui suasana pasukan ini dengan kemahsyurannya, barisan pemainnya dan penyokong yang tidak jemu memberikan sokongan. Sudah pasti saya mahu kembali jika mendapat peluang berbuat demikian.

Tiada tawaran rasmi

"Saya sentiasa mempunyai hubungan yang istimewa bersama pasukan ini. Jadi jika mereka masih memerlukan

saya, sukar untuk saya menolak tawaran terbabit.

"Namun, saya tidak boleh berbicara terlalu panjang mengenainya kerana tiada lagi tawaran rasmi dibuat. Namun, semua orang tahu bahawa Selangor adalah satu-satunya pasukan yang saya cintai di negara ini," katanya ketika dihubungi BH Sukan, semalam.


BH Sukan semalam melaporkan Durakovic menjadi alternatif terakhir untuk mengendalikan pasukan Selangor susulan pemecatan Zainal Abidin Hassan sebagai ketua jurulatih.

Nama pengendali kelahiran Yugoslavia itu dipercayai berada dalam senarai 'bidan terjun' jika percubaan FAS mendapatkan jurulatih lain untuk jangka masa panjang tidak berjaya.

Mengulas lanjut prestasi bekas pasukannya itu dalam saingan musim ini, bekas kapten skuad Merah Kuning itu optimis betapa mereka mampu untuk mempertahankan kejuaraan Piala Malaysia yang dimenangi musim lalu.

"Mereka memiliki barisan pemain yang lebih baik berbanding musim lalu dan saya berpendapat mereka masih berpeluang untuk mara ke peringkat seterusnya," katanya.

Headline	Pengganti Zainal Durakovic sedia ambil alih bimbing Selangor		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	41,52	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	350 cm ²
Journalist	Oleh Syafiq Aznan syafiq.aznan@bh.com.my	AdValue	RM 12,065
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,194



<p>Fakta nombor</p> <p>4 TAHUN Mehmet Durakovic menyarung jersi Selangor bermula 1995 hingga 1998</p>		<p>64 PENAMPILAN Bersama skuad kebangsaan Australia</p>
---	--	--

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup)	2	0	RM 0
Football Of Selangor Association (Football Of Selangor Association)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Gunalan lulus ujian pertama		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Aug 2016	Color	Black/white
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	42	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	174 cm ²
Journalist	Syafiq Aznan	AdValue	RM 3,159
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,476



Gunalan lulus ujian pertama

➔ Selangor
benam Pahang
3-0 sekali gus
selesa untuk
ke suku akhir

Oleh Syafiq Aznan

syafiq.aznan@bh.com.my

► Shah Alam

Pengendali sementara Selangor, K Gunalan lulus ujian pertama selepas pasukan bimbingannya kembali meraih kemenangan dengan membenam Pahang 3-0 pada aksi Kumpulan B Piala Malaysia di Stadium Shah Alam, malam tadi.

Kemenangan itu menyaksikan skuad The Red Giants menamatkan rentetan enam perlawanan tanpa kemenangan sekali gus meraih mata penuh untuk kembali ke landasan tepat dalam mempertahankan Piala Malaysia yang dimenangnya musim lalu.

Rentap semangat pelawat

Lima pertukaran yang dilakukan Gunalan sedikit menimbulkan persoalan terutama selepas merehatkan trio pertahanan utama,

Razman Roslan, Ugo Ukah dan Raimi Md Nor, namun Rizal Fahmi dan S Subramaniam yang digandingkan pada aksi terbabit berjaya melakukan tugas dengan baik.

Pahang lebih dominan pada awal babak dengan dua percubaan daripada R Kogileswaran dan Faysal Shayesteh dalam tempoh empat minit, namun percubaan mereka tepat ke dakapan Mohd Khairul Azhan.

Namun, semangat Pahang direntap apabila tindakan kapten Pahang, Matthew Davies yang menarik kapten Selangor, Andik Vermansyah mengakibatkan pengadil menghadiahkan sepakan penalti yang mudah disempurnakan oleh Patrick Ronaldinho Wleh untuk gol pembukaan Selangor pada minit ke-35.

Tuan rumah terus menggilakan melakukan serangan dan

seharusnya beroleh dua lagi gol di penghujung babak pertama, namun cubaan Andik dinafikan palang sebelum rembatan S Veenod menggegarkan tiang untuk keputusan kekal 1-0 selepas 45 minit pertama.

Babak kedua bersambung, Selangor memperoleh gol kedua menerusi satu serangan pantas bermula di bahagian sayap kiri oleh R Gopinathan dan kemudian melorongkan bola kepada Patrick yang sekali lagi mudah menolak masuk bola ke dalam gawang menewaskan Helmi Eliza Elias pada minit ke-66.

Penyerang Liberia itu sekali lagi 'menyeksa' Tok Gajah apabila melengkapkan hatriknya apabila menampun masuk hantaran pemain gantian, Adam Nor Azlin untuk Selangor terus selesa 3-0 dengan perlawanan berbaki 10 minit.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup)	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A



10 Aug 2016
Kosmo, Malaysia

Author: Suhana MD. Yusop • Section: Negara • Page: 12 • Printed Size: 260.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 6,747.00
PR value: MYR 20,241.00 • Item ID: MY0026728964



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



CONTOH kediaman PPR untuk golongan berpendapatan rendah. – Gambar hiasan

Konsep sewa beli kediaman RM35,000

Bina 1,000 rumah PPR di Selangor

Oleh SUHANA MD. YUSOP

SHAH ALAM – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyasarkan untuk membina 1,000 unit kediaman menerusi Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Selangor sehingga akhir tahun ini.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, pihaknya akan melaksanakan konsep sewa beli untuk projek baharu itu bagi membolehkan rakyat berpendapatan RM2,500 ke bawah khususnya yang tinggal di bandar memiliki kediaman sendiri.

Menurutnya, pada masa ini, pihaknya sedang mencari lokasi sesuai untuk membina rumah PPR dan memohon kerajaan negeri Selangor memberi kerjasama dalam usaha membantu rakyat yang tidak berkemampuan.

“Kerajaan negeri diharap dapat mengenakan premium tanah yang lebih rendah termasuklah kebenaran merancang bagi projek ini.



NOH OMAR

“Kerjasama ini penting bagi membolehkan Kementerian membina rumah PPR dan rakyat berpendapatan RM2,500 ke bawah yang sukar mendapat pinjaman bank boleh memilikinya menerusi sistem sewa beli yang dipersetujui kerajaan Pusat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan reka bentuk anjuran i-Berhad, pema-ju bandar pintar i-City di sini semalam.

Noh memberitahu, rumah PPR akan dijual pada harga RM35,000 seunit setelah diberi subsidi oleh kerajaan sebanyak RM125,000.

Pada masa ini, tiga projek PPR di Selangor yang melaksanakan konsep sewa beli iaitu di Kampung Hassan, Hulu Selangor sebanyak 400 unit; Lembah Subang 2 (1,580) dan Dengkil (400).

“PPR Lembah Subang dan Kampung Hassan telah siap dibina manakala Dengkil dalam fasa terakhir perbincangan dengan pihak kontraktor,” ujarnya.

Headline	Selangor tetap di hati Mehmet		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	197,202
Page No	62	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	142 cm ²
Journalist	MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI	AdValue	RM 3,699
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,098



Selangor tetap di hati Mehmet

Oleh MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI

